

23 AUG 1996

PERWAKILAN DI IBU KOTA NAK JUAL UNDI, KATA PM

SHAH ALAM, 23 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ada perwakilan ke perhimpunan agung Umno Oktober ini yang telah datang ke Kuala Lumpur dengan harapan mendapat wang dengan menjual undi mereka.

Beliau berkata kebanyakan mereka bertumpu di hotel-hotel.

"Di hotel-hotel di KL sekarang ini penuh dengan dia orang sahaja. Bukan sahaja calon yang bagi duit tapi ada juga wakil-wakil ke mesyuarat agung ini, yang datang di sini dengan harapan nak dapat duit, nak jual undi," katanya kepada pemberita selepas melawat ibu pejabat Sirim di sini.

Presiden Umno itu mengulangi kenyataannya semalam bahawa beliau akan mendedahkan nama calon yang terbabit dengan politik wang jika mendapat bukti kukuh.

Sekiranya tidak dapat maklumat secukupnya, Dr Mahathir berkata beliau tidak boleh membuat tuduhan terhadap sesiapa.

"Harus dibuktikan tanpa sebarang keraguan," katanya.

Semalam, Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat berkata ramai perwakilan kini berada di ibu negara dan meminta mereka supaya pulang ke tempat masing-masing. -- BERNAMA

AZZ RON